

19/08/1997

Deklarasi Hak Asasi tidak sejagat

Dr Abdurrahman Haqqi

SEJAK awal lagi Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 tidak universal, dengan pengertian boleh diterima pakai oleh semua ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berjumlah 56 negara, ketika ia diisytiharkan pada 10 Disember 1948. Ini kerana beberapa negara tidak memberikan persetujuan dan juga tidak menolak. Antaranya Czechoslovakia, Yugoslavia, Republik Afrika Selatan, Ukrainian SSR, Soviet Union dan Arab Saudi.

Negara sosialis menolak deklarasi berkenaan kerana beberapa permintaan mereka untuk memindanya seperti persamaan semua bangsa (all nations) bukan hanya persamaan sesama manusia (all people) dan penghapusan hukuman bunuh dalam keadaan damai.

Mereka juga menginginkan propaganda yang menyatakan rejim fascist, militarist dan racist antikemanusiaan dihentikan. Bagi pihak lain, Arab Saudi dan Afrika Selatan menganggapnya terlalu progresif (Haqqi, 'Human rights: UN Declaration 1948 and Islamic Perspective' (1991).

Perkara ini terjadi 49 tahun lalu. Bagaimana untuk masa kini, dengan ahli PBB sudah menjadi 176 negara merdeka adakah kata-kata "...of the country or territory to which a person belongs, whether it be independent, trust, non-self governing or under any other limitation of sovereignty" daripada Peruntukan 2 deklarasi masih sesuai dan boleh diterima pakai? Ada beberapa perkara yang boleh kita jadikan panduan untuk menilai bahawa Deklarasi Hak Asasi 1948 sudah tidak sesuai dan mesti dipinda. Elok kita melihatnya dari sudut pandangan Islam dan negaranya.

Sebagai contoh, Muslimah Muslim yang tinggal di sebuah negara Islam, jatuh cinta dengan seseorang jejaka bukan Islam (semoga Allah memelihara puteri kita daripada perangkap itu). Tentu hasrat kedua-duanya tidak akan tercapai jika mereka masih hidup di negara Islam terbabit.

Ini kerana agamanya melarang keras perkahwinan sebegini. Malangnya, Muslimah walaupun lemah, berkeras ingin kahwin juga. Untungnya, negara tetap berkeras tidak membenarkan perkahwinan itu.

Cuba hebohkan perkara ini kepada akhbar dunia bukan Islam. Sudah tentu negara Islam terbabit akan dihentam habis-habisan. Mereka akan mendakwa negara terbabit tidak menghormati dan mengamalkan Deklarasi Hak Asasi Manusia Peruntukan 6 Klausa 1. Negara terbabit akan dimasukkan ke dalam senarai hitam dan dianggap negara pengganas serta tidak demokratik.

Oleh itu, ia tidak layak mendapat bantuan daripada badan dunia seperti Badan Kewangan Dunia (IMF) dan Bank pembangunan Asia (ADB) jika negara terbabit berada di benua Asia. Negara itu juga tidak akan mendapat kemudahan daripada Amerika Syarikat.

Bukankah ini suatu penganiayaan dan pencemaran namanya? Padahal negara Islam terbabit tidak melakukan suatu kesalahan pun daripada sisi agamanya? Apatah lagi dengan adanya Deklarasi Kaheerah 1990 mengenai hak asasi manusia dalam Islam yang dalam Peruntukan 5 tidak disebutkan kata 'agama' seperti dalam Deklarasi PBB.

Islam memang melarang wanitanya berkahwin dengan lelaki bukan Islam, (QS. al-Baqarah: 221), negara Islam terbabit melaksanakan Peruntukan 24 daripada Deklarasi Kaheerah yang menyatakan 'All the rights and freedoms stipulated in this Declaration are subject to the Islamic Syariah'.

Perkara lain adalah mengenai persamaan wanita dan lelaki. Dalam Peruntukan 2 Deklarasi Hak Asasi Manusia disebutkan: "Everyone is entitled to all the rights and freedoms set forth in this Declaration without distinction of any kind, such as race, colour, sex, language, religion,

political or other opinion."

Peruntukan ini diterima pakai oleh deklarasi Kaheerah tetapi dengan tidak mencantumkan `sex' atau jantina. Ini kerana jika ia dimasukkan maka dengan sendirinya wanita Islam juga mempunyai hak untuk mempunyai empat suami dan isteri juga mempunyai kekuasaan ke atas suaminya.

Tentu saja negara Islam keberatan untuk menerimanya kerana di samping ia bercanggah dengan al-Quran, ia juga bercanggah dengan tabiat semula jadi daripada kedua-duanya.

Mengenai hubungan wanita dan lelaki serta kedudukan masing-masing al-Quran dengan jelas mengisytiharkan maksudnya: "Dan janganlah kamu berharap-harap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah berikan kepada sebahagian daripada kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (mengenai harta- benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana sudah tetap) orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan orang perempuan pula ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan; (maka berusahaah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan setiap- sesuatu." - (QS. an-Nisa: 32).

Untuk menyelaraskan dengan ajaran al-Quran, Deklarasi Kaheerah memperuntukkan `The husband is responsible for the support and welfare of the family' dan peruntukan ini tidak ada dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia PBB.

Jadi, andainya Muslimah meminta permohonan daripada Mahkamah Syariah di negara Islam untuk `poligami' dengan mendakwa bahawa lelaki boleh maka dia juga boleh kemudian permohonannya ditolak mentah-mentah oleh mahkamah terbabit, adakah negara terbabit dianggap negara yang tidak menghormati hak asasi?

Atau seorang isteri Muslimah menganggap dirinya sama dengan suaminya dalam memimpin keluarga dengan dakwaan hak dia seperti juga hak suaminya kerana persamaan. Kemudian jika ada perselisihan mengenainya dan dihadapkan di Mahkamah Syariah, yang tentunya akan memperkuat kedudukan lelaki sebagai pemimpin keluarga, adakah negara terbabit dicap negara barbarik yang tidak menghormati hak asasi manusia?

Ini, seperti saya sebutkan di atas, beberapa perkara nyata yang boleh dijadikan alasan untuk menilai semula Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948. Tentu banyak lagi perkara yang boleh diketengahkan sebagai alasannya. Jadi, memang layak Malaysia mengambil inisiatif untuk membuat penilaian semula ke atas deklarasi berkenaan seperti dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Terpulanglah penilaian semula itu akan menjurus kepada sama ada perbuatan `covenant' atau perjanjian seperti ditawarkan Prof Tan Sri Datuk Harun Hashim, Pemangku Dekan Kuliyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA) selepas sebuah forum mengenainya diadakan Jumaat lalu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dekat Bangi ataupun memang suatu pemindahan yang mendasar kerana pengaruh era global yang cukup canggih.

(END)